

Survival Melayu

Penyunting:

Hanif Md Lateh¹, Rahimah Embong², Norizan Abdul Ghani³, Mohd Borhanuddin Zakaria⁴, Razi Yaakob⁵

E-mel:

hanifjunid@unisza.edu.my¹, rahimahembong@unisza.edu.my²,
borhanuddin@unisza.edu.my⁴

Abstrak: Buku Survival Melayu adalah kompilasi kertas kerja yang dibentang dalam International Conference on Islamic Civilization (ICIC 2017) anjuran Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA. Kertas kerja terbaik yang dimuat dalam buku ini adalah cetusan idea penulis dan telah disunting dan diseragamkan mengikut format yang ditentukan.

Survival Melayu memaparkan kegemilangan bangsa Melayu, perjuangan ulama, agamawan dan pejuang bangsa Melayu bermula dengan penentangan campur tangan, penerusan dalam mempertahankan parti-parti politik serta persepsi terhadap parti politik yang ada.

Buku ini dimulakan dengan paparan peranan ulama silam dalam mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu di Tanah Melayu khususnya di negeri Terengganu semasa campur tangan British dan Jepun. Pelbagai cara digunakan oleh ulama dan pejuang Melayu iaitu menasihati sultan supaya tidak menerima penasihat British; perang sabil atau pemberontakan menentang British dan juga menggunakan media cetak seperti majalah dan surat khabar.

Sealiran dengan perbincangan ulama dan peranannya, buku ini juga membincangkan konsep jihad dalam Islam dan bagaimana pejuang Melayu Islam mengamalkan konsep jihad dalam perjuangan menentang campur tangan. Kewajipan menyertai jihad kembali kepada hukum asal berjihad fi sabilillah menurut jumhur iaitu fardu kifayah.

Kata kunci: Kaum, politik, Cahaya Timur, ulama, kontemporari

SURVIVAL *Melayu*

Editor: Hanif Md Lateh
Norizan Abdul Ghani
Razi Yaakob

Rahimah Embong
Mohd Borhanuddin Zakaria

SURVIVAL *Melayu*

Editor

Hanif Md Lateh

Rahimah Embong

Norizan Abdul Ghani

Mohd Borhanuddin Zakaria

Razi Yaakob



**Penerbit
UTHM**

SURVIVAL *Melayu*



SURVIVAL *Melayu*

Editor


Hanif Md Lateh

Rahimah Embong

Norizan Abdul Ghani

Mohd Borhanuddin Zakaria

Razi Yaakob




**Penerbit
UTHM**
2022

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

SURVIVAL Melayu / Editor Hanif Md Lateh, Rahimah Embong,
Norizan Abdul Ghani, Mohd Borhanuddin Zakaria, Razi Yaakob.
ISBN 978-967-2817-79-6

1. Malays (Asian people).
 2. Malays (Asian people)--Political aspects.
 3. Ulama.
 4. Muslim scholars.
 5. Government publications--Malaysia.
- I. Hanif Md. Lateh, 1986-. II. Rahimah Embong, 1971-.
III. Norizan Abdul Ghani, 1962-. IV. Mohd. Borhanuddin Zakaria, 1976.
V. Razi Yaakob, 1970-. 3
05.89923

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

• Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
•
• E-mel: pt@uthm.edu.my
•
• <http://e-bookstore.uthm.edu.my>
•
• Penerbit UTHM adalah anggota
• Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
• (MAPIM)
•
•

KANDUNGAN

Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi
Prakata	xiii
Pengenalan	xv

BAB 1	PERANAN ULAMA DAN AGAMAWAN TERHADAP KEDAULATAN BANGSA MELAYU DAN ISLAM SEWAKTU PENTADBIRAN KOLONIAL DI TERENGGANU <i>Zulkifli Abdullah, Hamdan Aziz & Siti Fatimah Mohd Noor</i>	1
BAB 2	AKHBAR CAHAYA TIMUR DI TERENGGANU: ANALISIS TERHADAP PERANAN AGAMAWAN DEMI SURIVIVAL BANGSA MELAYU DAN AGAMA ISLAM <i>Hamdan Aziz, Razi Yaakob, Zulkifli Abdullah & Siti Fatimah Mohd Noor</i>	27
BAB 3	<i>Jihad fi Sabililah</i> DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU <i>Anas Mohd Yunus & Najihah Abd Wahid</i>	39

BAB 4	SENSITIVITI AGAMA DALAM HUBUNGAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA <i>Siti Khatijah Yassin & Fadzli Adam</i>	53
BAB 5	KAEDAH <i>Taqrib Ra'yai</i> DALAM POLEMIK <i>Bid'ah</i> MASYARAKAT MELAYU <i>Firdaus Khairi Abdul Kadir, Fadzli Adam & Rahimah Embong</i>	67
BAB 6	GERAKAN ULAMA DAN UPAYA MENANGKAL RADIKALISME AGAMA: PENELITIAN DI DAYAH ACEH, INDONESIA <i>Fajri M. Kassim & Hanif Md Lateh</i>	75
BAB 7	PERANAN ULAMA DAN UMARA DALAM MEMARTABATKAN SYARIAT ISLAM DI ACEH <i>Afriani Maifizar, Kamaruddin M. Said & Norizan Abdul Ghani</i>	93
BAB 8	KEPIMPINAN POLITIK MELAYU MEMBANGUNKAN MASYARAKAT BERTAMADUN <i>Hailan Salamun, Hamdan Aziz, Fadzli Adam, Mustakimah Husein & Rofishah Rashid</i>	113

BAB 9	PERSEPSI GOLONGAN ILMUAN DAN PROFESIONAL TERHADAP PARTI POLITIK DI TERENGGANU	137
	<i>Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Siti Khatijah Yassin, Rahimah Embong & Hanif Md Lateh</i>	
Senarai Penyumbang		147
Indeks		151

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Kontroversi Kaum di Malaysia	55
Jadual 4.2	Nilai Kekuatan Hubungan Sensitiviti Agama dengan Isu Perpaduan Kaum	61
Jadual 7.1	Kepimpinan dan Basis Etno- Nasionalisme	96
Jadual 9.1	Persepsi Secara Umum terhadap Parti Politik	139
Jadual 9.2	Nilai Kekuatan Hubungan Persepsi terhadap Kewibawaan Parti Politik dengan Isu-Isu Politik Kepartian	143

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Analisis terhadap Tajuk-Tajuk Utama Akhbar <i>Cahaya Timur</i>	31
Rajah 7.1	Tipologi Ulama	99
Rajah 7.2	Ulama dan Institusi	102

PRAKATA

Buku ini merupakan koleksi kertas kerja terpilih yang dibentangkan dalam *International Conference on Islamic Civilization* (ICIC 2017) anjuran Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada tahun 2017. Penerbitan buku ini adalah hasil cetusan idea jawatankuasa penganjur persidangan tersebut. Penghasilan buku ini adalah kesinambungan bagi penerbitan prosiding terdahulu. Buku ini juga merupakan hasil daripada geran penyelidikan yang bertajuk “Konsep Kedaulatan Watan dalam Perlembagaan Persekutuan” UniSZA/2017/PPL(002) dan Penilaian Fakta Dalam Silibus Sejarah Malaysia Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (UNISZA/2018/GOT/04).

Pemilihan kertas kerja bertema merupakan antara tujuan penghasilan buku ini. Tema yang dipilih untuk karya ini adalah dalam rangka survival Melayu, merangkumi aspek politik dan sosial masyarakat. Rangka tersebut dilingkari dari sudut sejarah dan perbincangan kontemporari. Oleh itu, penghasilan karya ini adalah satu usaha menegenahkan isu berkaitan survival Melayu. Isu-isu yang ditimbulkan harus difikir dan didepani oleh bangsa Melayu tanpa meminggirkan keberadaan kaum lain untuk terus hidup secara rukun dan damai bersama-sama.

Justeru, kelahiran karya ini diharap menjadi bahan penting dalam memahami sudut survival Melayu. Survival Melayu tidak menandakan kejatuhan. Survival Melayu tidak menjadi medan meninggikan bukan Melayu. Sebaliknya, Survival Melayu sebagai cetusan kebangkitan, kemajuan dan kegemilangan satu peradaban.

Sidang Editor,
Hanif Md Lateh
Rahimah Embong
Norizan Abdul Ghani
Mohd Borhanuddin Zakaria
Razi Yaakob

PENGENALAN

Norizan Abdul Ghani, Rahimah Embong & Hanif Md Lateh

Buku Survival Melayu adalah kompilasi kertas kerja yang dibentang dalam *International Conference on Islamic Civilization* (ICIC 2017) anjuran Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA. Kertas kerja terbaik yang dimuat dalam buku ini adalah cetusan idea penulis dan telah disunting dan diseragamkan mengikut format yang ditentukan.

Survival Melayu memaparkan kegemilangan bangsa Melayu, perjuangan ulama, agamawan dan pejuang bangsa Melayu bermula dengan penentangan penjajah, penerusan dalam mempertahankan parti-parti politik serta persepsi terhadap parti politik yang ada. Buku ini dimulakan dengan paparan peranan ulama silam dalam mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu di Tanah Melayu khususnya di negeri Terengganu semasa campur tangan British dan Jepun. Pelbagai cara digunakan oleh ulama dan pejuang Melayu iaitu menasihati sultan supaya tidak menerima penasihat British; perang sabil atau pemberontakan menentang British dan juga menggunakan media cetak seperti majalah dan surat khabar. Peranan Tok Ku Paloh dalam mempertahankan kedaulatan Kerajaan *Islamiyyah Malayuwiyyah* Terengganu daripada ancaman Siam dan British adalah satu contoh kegigihan perjuangan ulama mempertahankan survival Melayu. Perjuangan secara diplomasi oleh ulama dan agamawan Melayu dihangatkan lagi dengan perang sabil atau jihad oleh Haji Abdul Rahman Limbong sebagai tanda sepakat memastikan survival Melayu dipertahan. Sealiran dengan perbincangan ulama dan peranannya, buku ini juga membincangkan konsep jihad dalam Islam dan bagaimana pejuang Melayu Islam mengamalkan konsep jihad dalam perjuangan menentang penjajah. Kewajipan menyertai jihad kembali kepada hukum asal berjihad *fi sabilillah* menurut jumhur iaitu fardu kifayah.

Media cetak juga berperanan dalam perjuangan untuk survival Melayu. Akhbar Cahaya Timur adalah antara medium yang diguna untuk mencetuskan sentimen penentangan terhadap campur tangan British secara halus. Cahaya Timur dikemudi oleh sasterawan dan penulis Melayu Terengganu melalui kepercayaan yang diberi oleh pihak Jepun bertujuan membangkitkan sentimen anti British di Tanah Melayu. Selain media cetak, agama sememangnya memainkan peranan penting dalam menaikkan sentimen kebangsaan dan sensitiviti di Tanah Melayu. Setiap sensitiviti agama yang lahir dalam sesebuah kaum biasanya akan menyebabkan timbul isu perkauman. Oleh itu, natijahnya konflik agama akan membawa kepada isu negatif terutamanya perpecahan antara kaum.

Perselisihan pandangan bukan sahaja berlaku antara kaum tetapi juga wujud sesama agama, misalnya isu *bid'ah* yang juga dibincang dalam buku ini. Walau bagaimanapun, isu *bid'ah* ini jika tidak menjejaskan akidah umat Islam, tidaklah menjadi isu besar. Umat Islam perlu berlapang dada menerima perbezaan pendapat berkaitan *bid'ah* demi memelihara kesejahteraan dan survival ummah dan Melayu.

Selain daripada paparan berkaitan perjuangan Melayu memastikan survival bangsanya di Tanah Melayu, buku ini juga membicarakan pejuang ulama pesantren di Aceh, Indonesia. Peranan ulama dan umara tidak dapat dinafikan dalam memartabatkan kerajaan Melayu Islam Aceh. Peranan ulama Aceh dalam mempertahankan Aceh daripada pengaruh radikalisme melalui gerakan sosial Islam. Dengan pengaruh pengikut yang ramai beserta ilmu agama di dada, ulama dayah akan terus mempertahankan Islam sebenar. Dayah adalah bentengnya, selagi ada dayah dan ulamanya, tidak akan berjaya agama baharu yang sesat atau radikalisme bertapak di Aceh.

Ulama dalam masyarakat Aceh sering dipanggil teungku biasanya tamat pengajian di dayah atau sekurang-kurangnya pernah belajar di dayah. Peranan teungku juga sangat penting dalam menentukan survival Islam dan Melayu di Aceh. Ulamalah yang berperanan mempertahankan dan menerapkan syariat Islam di Aceh. Hubungan baik ulama dan umara di Aceh telah meninggikan martabat Islam dan syariat Islam di Aceh hingga ke hari ini.

Peranan pemimpin juga merupakan antara aspek yang tidak dapat dinafikan demi survival Melayu. Kepimpinan politik Melayu yang cemerlang di zaman silam dibuktikan dengan kehebatan Kesultanan Melaka, Johor dan Terengganu. Perkembangan politik dan parti politik Melayu berterusan hingga ke hari ini dengan warna dan corak parti politik yang pelbagai. Pemimpin parti politik berusaha sebaik mungkin demi memastikan ahli parti akan mendokong parti dengan pelbagai kaedah dan cara demi survival parti. Aspek politik berasaskan parti merupakan bahagian yang tidak kurang penting sebagai satu bidang dominasi utama Melayu.

Buku Survival Melayu ini dimulai dengan perbincangan berkaitan peranan ulama dan agamawan Terengganu di zaman kolonial, kemudiannya diakhiri dengan paparan perbincangan berkaitan persepsi golongan ilmunan dan profesional terhadap parti politik di negeri Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan parti politik yang paling lama dan berjasa ialah BN tetapi parti politik yang paling progresif, telus dan memartabatkan Islam di Terengganu ialah PAS. Semakin tinggi persepsi terhadap kewibawaan parti politik yang ditimbulkan, semakin tinggi pula isu-isu politik kepartian dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa karya ini bukan sahaja menyentuh survival Melayu yang sudah tercatat dalam sejarah. Catatan-catatan ini menuntut usaha masyarakat kontemporari supaya kembali berada di landasan pembinaan peradaban. Catatan kontemporari pula sebagai penunjuk cara dan ruang perjuangan yang wajar didokong demi memastikan survival Melayu di Malaysia berada di atas landasan menuju kegemilangan.

BAB

1

PERANAN ULAMA DAN AGAMAWAN TERHADAP KEDAULATAN BANGSA MELAYU DAN ISLAM SEWAKTU PENTADBIRAN KOLONIAL DI TERENGGANU

*Zulkifli Abdullah, Hamdan Aziz & Siti Fatimah Mohd
Noor*

1.0 Pendahuluan

Terengganu merupakan sebuah negeri Melayu yang memperlihatkan ciri-ciri keislaman yang tinggi dalam sejarahnya. Sebagai antara negeri yang terawal menerima agama Islam dan melahirkan ramai ulama terkenal, Terengganu dikenali sebagai kerajaan *Islamiyyah-Malayuwiyyah*. Ini kerana wujudnya hubungan erat antara ulama dengan pemerintah. Semenjak pengasasan kerajaan Terengganu pada abad ke-18, golongan ulama dan agamawan tidak dapat dipisahkan daripada terlibat dalam sistem pemerintahan negeri (Muhammad Abu Bakar, 1991). Pembabitan kumpulan ulama dan agamawan dalam struktur pemerintahan di Terengganu berlaku sejak pemerintahan Sultan Zainal Abidin I. Sultan Zainal Abidin I berkahwin dengan salah seorang anak Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis). Di Terengganu, Islam menjadi asas kepada pembangunan peradaban masyarakat dan sistem pemerintahannya serta terkenal sebagai pusat pengajian Islam di Alam Melayu. Hasil dari perkembangan Islam dan sistem pendidikan Islam, muncul ulama-ulama dan agamawan seperti Tok Ku Paloh, Haji Abdul Rahman Limbong, Dato' Seri Amar Diraja Haji Ngah Muhammad, Tuan Guru Haji Abbas, Tuan Guru Haji Zainal Abidin dan Ibrahim Fikri.

Pada akhir abad ke-19, kuasa Barat seperti Britain, Perancis, Jerman, Rusia dan Amerika Syarikat berusaha mengembangkan kuasa di Asia Barat, Afrika dan Timur Jauh (Fadhlullah Jamil, 2000; Riduan & Fadli, 2011). Salah satu kawasan yang menjadi pilihan kuasa Barat ialah Semenanjung Tanah Melayu yang kaya dengan pelbagai sumber bahan mentah. Berbanding Borneo dan Sumatera, bahan mentah seperti emas dan bijih timah melebihi kedua-dua pulau tersebut (Anderson J., 1824).

dengan mengibarkan “bendera Stambul” dan bukannya semangat nasionalisme yang sempit. Walaupun gagal menghalang British dari terus bertapak di Terengganu, namun gerakan tersebut mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam penerusan perjuangan pada dekad-dekad 1930-an hingga 1950-an. Selain itu terdapat juga perjuangan dalam bentuk islah pemikiran turut dilakukan dalam membentuk perjuangan kemerdekaan di Terengganu. Perjuangan islah pemikiran ini selari dengan perjuangan arus nasional yang berbentuk ekonomi dan politik.

5.0 Rujukan

- Abdul Basir Alias. 2002. *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*. Bangi: As-Syabab Media.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Adnan Mohd Nor. 1974. Perjuangan Dato' Ibrahim Fikri Dalam Arena Politik Di Negeri Terengganu (Antara Tahun 1930-an – 1960-an). Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anderson, J. 1824. *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. British Government: Printed under authority of Government by William Cox.
- ANM (Terengganu), (Tidak berfail) Yang Berkenaan Dengan Triti di Antara Kerajaan Inggeris dan Siam Dalam Tahun 1909.
- ANM (Kuala Lumpur), Koleksi Perjanjian ANM, P.112, *The Anglo-Siamese Treaty*, 10 Mac 1909.
- AMN (Kuala Lumpur), Fail Pejabat Menteri Besar, M.B. Tr., 1001/1343, Duli Yang Maha Mulia King George Telah Suka Mengurniakan Kebesaran C.B.E. kepada Dato' Seri Amar Diraja MB, 1925.
- ANM (Kuala Lumpur), Fail Pejabat Menteri Besar, PMB. Tr., 34/1354, Paderi Negeri Melaka Memohon Sekeping Tanah Kerana Mendirikan Sebuah Gereja dan Sekolah.

- ANM (Kuala Lumpur), C.O.717/61/2, *Report on The Recent Disturbances in Trengganu*.
- ANM (Kuala Lumpur), Pejabat Menteri Besar, M.B. Tr., 215/1340, Peraturan Bagi Mengambil Hasil Tanah.
- ANM (Kuala Lumpur), no. G. 2422, Gambar Kepulungan Kontinjen Polis Terengganu dari Peperangan Tok Janggut, 1928.
- ANM (Terengganu), Pejabat Menteri Besar MB 70/1355, Memohon Jamin Haji Abbas bin Haji Muhammad di dalam Lokap, Surat Haji Muhammad kepada Menteri Besar Dato' Seri Amar Diraja.
- ANM (Kuala Lumpur), Fail Malayan Union, no. 1003/47 SB, Patition by Ibrahim Fikri bin Muhammad Asst. Broadcasting Officer, Trengganu for re-instatement.
- ANM Terengganu, Pejabat Menteri Besar, MB. 80/1345, Undang-Undang Pindaan Undang-Undang Mengambil Balik Tanah.
- ANM (Kuala Lumpur), Annual Report on the Sosial and Economic Progress of the People of the State of Trengganu (Unfederated Malay States), 1938.
- Batu Peringatan, Kubur Pahlawan Perang Padang Kachong atau Kubur 12. Masjid Abdul Rahman Limbong, Kuala Telemong, Hulu Terengganu. Lapangan, Rabu, 20 Disember 2016.
- British National Archive, C.O. The Annual Report for the Year 1910, British Agent, Trengganu, Walter D. Scott.
- British National Archive, C.O. 840/1, Annual Report of the British Adviser Trengganu for the Years A.H. 1346 and 1347, by A.J. Sturrock.
- Catatan Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus, 2009, Hal Ehwal Dungun.
- Catatan Tentang Haji Abas, Koleksi peribadi Tuan Haji Abdul Aziz Abbas, 58 tahun, anak Haji Abbas Bukit Puteri.
- Fadhlullah Jamil. 2000. *Islam di Asia Barat Moden: Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*. Batu Caves: Thinker's Librarys Sdn. Bhd.
- Mahayudin Yahya & Ahmad Jelani Halimi. 1994. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Mahmud Mamat. 1976. Sejarah Ringkas Pendidikan Pondok di Daerah Besut, Terengganu. Jawatankuasa Pameran Sejarah Daerah Besut (pnsy.). t.pt: t.tp.
- Malcom, H. 1839. *Travels in South-Eastern Asia Embracing Hindustan, Malaya, Siam and China with nitices of Numerous Missionnary Stations*. Vol. II. Boston: Gould, Kendall & Lincon.
- Mohammad Yunus Hamidi. t.t. *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohammad Yusuf. 1984. Sayid Abdul Rahman b. Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh). *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, bil. 13, 1984.
- Muhammad Abdullah Suradi. 2009. *Lembaran Hidup Ulama: Warisan Ilmuan Islam*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Muzium Daerah Kemaman. 2016. Lawatan pada 19 Disember 2016.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2012. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Terengganu dalam era imperialisme baru: Peranan dan sumbangan Raja-Raja Terengganu. Dlm., Abdul Rahman Embong (Ed.). *Terengganu Merentasi Tiga Abad*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- O'Sullivan R.L. 1980. The departure of the London Missionary Society from Malacca. *Jurnal Malaysia in History*, Vol. 23 : 75-83.
- Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani. 2011. *Ulama' dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Shafie Abu Bakar. 1991. Peranan ulama dan kesannya terhadap sikap anti penjajahan dengan rujukan kepada pengajaran tasawwuf Sayid Abdul Rahman bin Muhammad (Tok Ku Paloh) berasaskan karangan Ma'arij al-Lahfan. Dlm. Rahmat Saripan (Ed.). *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shahril Talib Robert. 1977. The Trengganu ruling class in the late nineteenth century. *Journal of Malayan Branch the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. 50, Part. 2: 25-47.
- Stockwell A.J. 2004. Note on the Railway Agreements, Koleksi Dokumen Malaya/ Malaysia. Royal Holloway College, University of London.
- Syed Abi Ghufuran Syed Ahmad al-Idrus. 2014. *Sejarah Keturunan Syed al-Idrus di Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbitan Syed Abi Ghufuran Syed Ahmad al-Idrus.
- Thoburn, J.M. 1892. *India and Malaysia*. New York: Cranston & Curts.
- Temu bual Keluarga al-Idrus (YM Sayed Mohd al-Baqir, YM Syarifah Kamariah binti Tuan Ngah, YM Engku Ibrahim bin Engku Wok Zin), pada Selasa, 6 Januari 2015, di alamat 171, Kampung Gong Kapas, 21100 Kuala Terengganu.
- Temu bual Tuan Haji Hashim bin Muhammad, Pengerusi Masjid Haji Abdul Rahman Limbong Padang Kacong, pada Rabu, 20 Disember 2016, di Masjid Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau juga adalah cucu kepada bilal Muhammad yang memandikan jenazah para pejuang.
- Temu bual Syarifah Halawiyah binti Syed Abdul Rahman, di rumah beliau di alamat Lot 27645, Kampung Gong Kuin 1, Tok Jembal, Kuala Nerus, Terengganu, pada 7 Mac 2015. Beliau merupakan cucu kepada Syed Sagaf.
- Temu bual Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Beliau adalah murid kepada Tuan Guru Haji Bidin. Pada Sabtu, 25 Mei 2013, di alamat 92D, Jalan Berek Kastam, 2300 Dungun, Terengganu.
- Temu bual Ustaz Mohamad bin Abdul Rahman (Ustaz Mat Atas Beris), di rumah beliau di Kampung Atas Beris, Kampung Raja, pada 12 Februari 2015.
- Temu bual Tuan Haji Ali bin Mohd Yusof (79 tahun), di Lot 2545 Kg. Jawek, Besut, pada 9 Mei 2014.

Temu bual Tuan Haji Wan Abdullah bin Wan Abdul Latiff, anak kedua Haji Wan Abdul Latiff di rumah beliau beralamat di Lot 1494, Kampung Bukit Payong, 22000 Besut, Terengganu, pada 24 Disember 2016.

Temu bual Tuan Haji Abdul Rahman bin Ibrahim bekas Penolong Pesuruhjaya Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 15 Mei 2014, di rumah beliau beralamat 267, Jalan Padang, Kampung Raja, 22200, Besut Terengganu.

Temu bual Tuan Haji Abbas Yusof (76 tahun) pada 20 Disember 2016, di rumah beliau beralamat 298 Kampung Pulau Serai, Jalan Rajawali, 23000 Dungun, Terengganu. Beliau merupakan bekas pelajar di Pondok Haji Bidin selama enam tahun.

Temu bual Puan Hajah Fatimah binti Ismail, 90 tahun, pada 22 Disember 2016, di rumah beliau di belakang Masjid Rusila, Marang, Terengganu. Beliau ialah isteri bekas Menteri Besar En. Mohd Daud bin Abdul Samad dan bekas tenaga pengajar di Pondok *Madrasah Diniah Ittifakiah*.

UMNO 25 Tahun: Aturcara Perayaan Ulang Tahun Suku Abad UMNO Negeri Terengganu, 9 Julai 1971-12 Julai 1971, Perjuangan UMNO Terengganu Sepintas lalu.

BAB

2

AKHBAR *CAHAYA TIMUR* DI TERENGGANU: ANALISIS TERHADAP PERANAN AGAMAWAN DEMI SURVIVAL BANGSA MELAYU DAN AGAMA ISLAM

*Hamdan Aziz, Razi Yaakob, Zulkifli Abdullah & Siti Fatimah
Mohd Noor*

1.0 Pendahuluan

Pasukan tentera Jepun berjaya menakluki Tanah Melayu dan Singapura dalam perang Dunia Kedua setelah Jeneral Percival menyerah kalah kepada kuasa paksi Jepun secara rasmi di Singapura pada 15 Februari 1942 (C.T. 15/2/1942: 4). Pasukan tentera Jepun mendarat di Kota Bharu pada 8 Disember dan sampai ke Terengganu pada 10 Disember 1941. Walaupun tentera Jepun menguasai kerajaan Terengganu, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Ibni al-Marhum Sultan Zainal Abidin III masih menduduki takhta kerajaan manakala pembesar seperti Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud dikekalkan dalam pentadbiran negeri. Lantikan pegawai di zaman British turut dikekalkan. Antaranya Tengku Bija Wangsa, Tengku Paduka Raja Ismail Ibni Sultan Zainal Abidin III, Tengku Pekerma Wira, Tengku Seri Akar Diraja serta beberapa yang lain (Wan Ramli Wan Mohamad, 1993: 20). Pegawai kerajaan diarahkan menjalankan tugas dengan baik iaitu sekiranya memuaskan diberikan imbuhan manakala jika sebaliknya, mereka dihukum. Berdasarkan lantikan pegawai Melayu serta pengekalan Sultan Terengganu untuk terus berdaulat membuktikan bahawa pengaruh Malayuwiyyah-Islamiyyah dalam pentadbiran Terengganu masih dikekalkan sewaktu pentadbiran Jepun.

2.0 Akhbar *Cahaya Timur* (C.T.) di Terengganu

Pada 19 Disember 1941, Sultan Sulaiman dikunjungi Jeneral Takami di Istana Maziah. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Dato' Jasa Perkasa, Menteri Besar Terengganu. Pertemuan diadakan di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman antara tentera Jepun dengan pegawai tinggi kerajaan bagi menerangkan tujuan peperangan Asia Timur Raya.

4.0 Kesimpulan

Agamawan di Terengganu sentiasa mendepani masa terutama dalam mempertahankan survival bangsa Melayu dan agama Islam. Bahkan sewaktu penduduk Jepun kumpulan agamawan menggunakan saluran akhbar yang diterbitkan di Terengganu iaitu Cahaya Timur untuk tujuan murni ini. Hasrat Syeikh Hassan menjadi lebih mudah apabila ketua pengarang akhbar yang dilantik pentadbiran tentera Jepun adalah Mohd Salleh Hj. Awang yang berkelulusan Madrasah Zainal Abidin dan mempunyai citra agama yang tinggi. Dalam pada itu Syeikh Hassan menjadi mentor kepada Mohd Salleh apabila menerbitkan rencana atau tulisan yang bersangkutan paut dengan agama Islam dan penduduk Melayu. Sekalipun akhbar ini bersifat propaganda Jepun, kedaulatan bangsa Melayu dan Islam melalui institusi kesultanan jelas masih dipertahankan.

5.0 Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai. *Jurnal JEBAT* 24 (1996): 57-84.
- ANM 2007/0024641 “Misbaha Sebagai Seorang Tokoh Tempatan di Terengganu (S.P. 61/11), 15.
- ANM Terengganu, Fail Pejabat Istana, S.T. 97/1361, Surat Tauliah Pelantikan Syeikh Hassan Said al-Yamani Sebagai Mufti Terengganu.
- Cahaya Timur. Bil. 6. Tahun pertama. Singapura Sudah Jatuh. Kejatuhan Singapura pada 15 Februari 1942 (30 Muharram 1361).
- Fajar Asia No.5, 13 Shigatsu 2603, “Menghapuskan Syaitan-Syaitan Dunia. Pidato Tuan Besar Taisa Okubo Sendenbucho (Ketua Pejabat Dakyah) dalam Perjumpaan Raya Kaum Islam di Syonan”.
- Fajar Asia No.5, 13 Shigatsu 2603, “Perjumpaan Agung Wakil-Wakil Umat Islam Seluruh Malai-Sumatera”.

- Misbaha. 1982. Sepintas Lalu Dari Satu Kenangan. *Warisan, Jurnal PSMCT*, Bil. 3, Kuala Terengganu.
- Mohd Nasir Ismail. 1991. Pendudukan Jepun di Terengganu 1942-1945, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Trengganu Shuho (Warta Kerajaan), 16 Rokugatsu 2603, bil. 12.
- Trengganu Shuho (Warta Kerajaan), 16 Sangatsu 2603, bil. 6, Ucapan Yang Berhormat Sultan Ali.
- Wan Ramli Wan Mohamad. 1993. *Pengakuan Tengku Ali: Mengapa Saya Diturunkan dari Takhta Terengganu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

BAB

3

Jihad fi Sabilillah DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

Anas Mohd Yunus & Najihah Abd Wahid

1.0 Pendahuluan

Jihad, berasal dari perkataan *jahada* (جَاهَدَ) yang bermaksud bersungguh-sungguh. Jihad pula dalam *Mu'jam al-Wasit* (Ibrahim Mustafa et al., t.th) ialah peperangan terhadap orang kafir yang tiada hak *zimmah* (perlindungan). Dalam *al-Qamus al-Fiqhi* pula (Sa'di Abu Jayb. 1988), jihad diertikan sebagai mengembelikan sepenuh daya untuk menghadapi musuh. Setiap lafaz jihad dalam al-Quran adalah digandingkan dengan lafaz *al-jalalah* (fi sabilillah) menunjukkan bahawa tujuan jihad adalah untuk meninggikan kalimah Allah. Pemahaman jihad dalam konteks penggunaan lafaz jihad secara mutlak boleh merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh 'Abd al-Rashid Rida (t.th..) dalam tafsirnya *al-Manar*:

Jihad fi sabilillah ialah peperangan meninggikan kalimahNya, menjamin agamaNya, mengembangkan dakwahNya dan mempertahankan pendukungNya agar hak-hak umat Islam tidak dinafikan dan mereka tidak dihalang dari melaksanakan urusan-urusan mereka. Ia lebih umum daripada peperangan kerana agama (al-din), kerana ia (peperangan fi sabilillah) merangkumi peperangan mempertahankan agama dan dakwahnya, di samping itu ia juga merangkumi peperangan mempertahankan hak, harta dan tanah air dari dikuasai musuh-musuh yang tamak merampas negara kita dan mengeksploitasi segala kemewahan bumi kita walaupun yang demikian itu bukan bertujuan menimbulkan fitnah pada agama kita.

5.0 Kesimpulan

Perjuangan membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah bermula daripada awal pencerobohan sehingga ia berjaya ditamatkan, secara umumnya adalah *jihad fi sabilillah*. Status tersebut boleh berubah melalui niat mereka yang berjuang untuk memerdekakannya. Oleh sebab ia merupakan satu perkara yang tersembunyi, maka terserah kepada Allah untuk menentukannya. Namun, penilaian boleh dilakukan melalui penzahiran perkataan, perbuatan dan tindakan mereka yang berjuang tersebut untuk dianalisis. Penulisan ini mendedahkan secara umum dan prinsip jihad fi sabilillah dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Ia boleh dikembangkan lagi melalui kajian-kajian yang lebih terperinci khususnya melalui kajian-kajian ke atas tokoh-tokoh yang memimpin perjuangan tersebut. Penulisan ini diharap dapat membuka kesedaran peri pentingnya sejarah kemerdekaan disoroti dalam konteks syarak untuk membangkitkan semangat perjuangan cintakan tanah air kerana ia adalah sebahagian daripada jihad fi sabilillah.

6.0 Rujukan

- Abd al-Rashid Rida. t.th.. *Tafsir al-Manar*. Jil. 2. t.tp. : t.p.t.
- Hasan Khalid. 1971. *al-Shahid fi al-Islam*. Beirut : Dar al-Ilm li al-Malayyyin.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2012. Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis, Menentang British. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 12: 1-27.
- Abadi, Muhammad Shams al-Haq al-Azim. 1995, *Awn al-Ma`bud Sharh Sunan Abi Dawud*, Jil.7. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash`ath. t.th., *Sunan Abi Dawud*. kitab al-Jihad, no. hadith 2504. Jil.3. t.tp.: Dar al-Fikr.
- Al-Dimyati, Uthman bin Muhammad. t.th.. *Hashiyah Panah al-Talibin*. Jil.4. Kaherah : al-Maktabah al-Tawfiqiyah.

- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali Ash Sharbaji. 2007. *al-Fiqh al-Manhaji*. Jil.3. Beirut : Dar al-Qalam.
- Al-Malibari, Zayn al-Din bin Abd al-Aziz. 2005. *Fath al-Muin*, Drs Aliy As'ad (terj.). Jil. 4. Kelang : Klang Book Centre.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharf. t.th. *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Jeddah : Maktabah al-Irshad .
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2009. *Fiqh al-Jihad*. Jil. 1. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sharbini, Muhammad al-Khatib. 1995. *al-Iqna' fi Halli Lafzi Abi Shuja'*. Jil.2. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Muhammad. 2010. *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Jil.5. Damsyiq : Dar al-Qalam.
- Barbara Watson Andaya, Leonard Yuzon Andaya. 1983. *Sejarah Malaysia*. Malaysia: Macmillan Press.
- Ibrahim Mustafa et al. t.th. *Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Mohamed Salleh Lamry. 2009. *Gerakan Kiri Melayu: Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. (cetakan kedua). Penerbit UKM: Bangi.
- Muniandy Thambirajah. 1978. *Malaysia Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Qalyubi wa Umayrah, Shihab al-Din & Umayrah. t.th. *Qalyubi wa Umayrah*. Jil.4, Mesir : Dar al-Kutub al-Arabiyyah.
- Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani. 2007. *Ulama' dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur : MHI Publication.
- Sa'di Abu Jayb. 1988. *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, Damsyik :Dar al-Fikr.

BAB

4

SENSITIVITI AGAMA DALAM HUBUNGAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA

Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam

1.0 Pendahuluan

Agama ditakrifkan sebagai hubungan antara manusia dengan sesuatu kekuasaan luar biasa yang dianggap dapat memberi perlindungan. Hubungan suci ini akan melahirkan manusia untuk lebih tunduk kepada penciptanya (Shamsul Amri, 2012). Dari perspektif antropologi, Yusri (2012) yang memetik pandangan Geertz pula melihat agama adalah sistem kebudayaan dan dilambangkan dengan simbol-simbol yang menonjolkan citra keagamaan sesebuah masyarakat beragama. Penghayatan agama dalam kehidupan secara komprehensif ialah dengan mengamalkan ajaran agama dalam segenap dimensi seperti cara berfikir, bertindak dan berkomunikasi selaras dengan pengetahuan dan kefahaman agama. Menurut Ramli Awang (2008), agama membawa maksud menjalankan suatu peraturan bersifat moral untuk menghindari kekacauan dalam hidup yang tujuannya untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Agama merupakan kepercayaan yang dijadikan pegangan bagi setiap manusia dan akan dipelihara kesucian agama daripada anasir berunsurkan penghinaan dan penindasan.

2.0 Kewujudan Masyarakat Majmuk di Malaysia

Kepelbagaian agama, perbezaan bahasa, pengkhususan ekonomi, seni bina kediaman dan sebagainya merupakan lambang pengenalan kepelbagaian kumpulan etnik yang terdapat di Malaysia. Mengikut pandangan Furnivall (1948), konsep masyarakat majmuk merujuk kepada masyarakat yang dicirikan dengan perpecahan. Bahkan, perbezaan masyarakat majmuk yang wujud dari segi ras dan etnik selari dengan perbezaan ekonomi sehingga ketegangan dan ketidakstabilan

6.0 Kesimpulan

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan sebelum ini, realiti menunjukkan agama merupakan satu cabang yang membawa perpaduan dan permasalahan antara tiga kaum terbesar di Malaysia. Bagi Benneth (2008), konflik agama merupakan masalah yang kompleks dan apabila ini berlaku tentulah wujudnya penindasan. Ini boleh menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya perasaan tidak puas hati dan mungkin boleh menyebabkan ketegangan di kalangan masyarakat atau kelompok-kelompok tertentu. Ini bermakna konflik agama cuma akan membawa lebih banyak kesan-kesan negatif sahaja. Kesan buruk boleh dikategorikan sebagai kesan sosial, kesan ekonomi dan kesan kepada imej negara (Kahmad, 2002). Seharusnya, warna warni kehidupan masyarakat akan lebih bertambah utuh dan harmoni dengan kewujudan pelbagai agama yang sama-sama mengamalkan sikap toleransi dan nilai kasih sayang demi kesatuan dan pembangunan insan yang lebih proaktif dalam menyemarakkan lagi misi dan visi ke arah transformasi negara. Agama perlu dijaga dan dipelihara oleh penganutnya dan setiap mereka harus mengikis sikap penghinaan terhadap agama seangkatannya agar lahirnya rasa hormat-menghormati dalam sebuah masyarakat majmuk yang mempunyai kepelbagaian agama dan pasti ini merupakan salah satu nilai yang dipupuk oleh setiap agama.

7.0 Rujukan

- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: IntelMultimedia Publication.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. 2006. Perspektif Pelajar Cina UTM Terhadap Agama Islam di Malaysia. Dlm. Wan Abd Hamid Wan Teh & Anisah Zainal Abidin. *Budaya dan Pemikiran dalam masyarakat Global: Malaysia dan China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ann Wan Seng. 2009. *Murtad: Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur: MustRead.
- Azman Amin Hassan. 2005. Solving conflicts in a multicultural society: The case of Kampung Medan. Dlm. Muhammad Kamarul Kabilan & Zaharah Hassan. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM
- Chandra Muzaffar. 2011. *Exploring Religion in Our Time*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Dafrizal, Faridah Ibrahim & Fauziah Ahmad. 2011. Framing of Controversial Caricatures of Prophet Muhammad: A Story of Two Malaysian Mainstream Newspapers. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 27(2): 77-95.
- Dawi, A.H. 2010. Kepentingan Identiti dan Perjuangan Etnik dalam Masyarakat Malaysia. *Persidangan Antrabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti*. 23-24 November 2010, Kuching, Sarawak.
- Furnivall, John S. 1948. *Colonial Policy and Practice : A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: University Press.
- Golam W.Choudhury. 1993. *Islam and The Modern Muslim World*. Essex England: Scorpion Publishing Ltd.
- Halimahton S, Hua N.T & Raman. 2006. Covering race and religion: the Moorthy and Nyonya Tahir cases in Four Malaysian Newspapers. *Kajian Malaysia*, Vol. XXIV (1&2): 185-201.
- Ismail al-Faruqi. 2009. *Islam dan Kepercayaan Lain*. Zulkiple Abd. Ghani (Terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Kahmad, H. 2002. *Sosiologi Agama*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Kamil Abdul Majid, Mohd Asri Zainul Abidin, Fauzi Deraman & Adnin Armas. 2006. *Islam Liberal: Tafsiran Agama yang Kian Terpesong*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.

- Khoo, Kay Kim. 2007. The Making of Malaya, 1946-1955: The Fruits of Ethnic Cooperation. Dalam, Voon Phing Keong (Ed). *Malaysian Chinese and Nation Building: Before Merdeka and Fifty Years After*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Lee, Kam Hing & Heng, Pek Koon. 2000. *The Chinese in the Malaysia Political System. Dalam Lee Kam Hing & Tan Chee Beng. The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman & Ainuddin. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. *Nasib Melayu di Bumi Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2003. *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
